



KENYATAAN MEDIA HARI KE-19

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

1. Kerajaan Negeri melalui Sabah Covid-19 Command Centre ingin memaklumkan bahawa Pusat-Pusat Kuarantin di Kota Kinabalu yang telah diwartakan di bawah Akta 342 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah tersedia untuk menerima *Person Under Surveillance* [PUS] seperti berikut:

(1) Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia [ILKKM], Bukit Padang

- a) Terdiri daripada 2 blok dan berpagar berasingan dengan kapasiti
 - (i) Blok 2 – 51 unit
 - (ii) Blok 3 – 40 unit

50 unit adalah *attached with bathroom* dan 41 unit adalah *sharing bathroom*.

- b) Setiap unit dilengkapi dengan katil, tilam, meja *study*, kerusi dan kipas angin. Pihak Celcom telah membuat pemeriksaan untuk pemasangan wifi dan akan memasang 10 router dalam masa terdekat.


c) Perkhidmatan yang diberikan:

- (i) Pemeriksaan status kesihatan setiap hari mulai jam 9 pagi oleh paramedik. Seorang pegawai perubatan telah dikhaskan untuk menjaga pusat ini.
- (ii) Perkhidmatan perubatan kepada penghuni yang mempunyai masalah kesihatan yang *acute* atau *chronic* seperti darah tinggi, kencing manis dan sebagainya.
- (iii) Perkhidmatan sokongan psikososial di mana pegawai kaunseling akan membuat panggilan kepada setiap penghuni.
- (iv) Makanan disediakan: sarapan pagi, makan tengahari, minum petang dan makan malam.
- (v) Semua perbelanjaan adalah dibiayai oleh Kerajaan.



(2) Akademi Bomba Sepanggar Kota Kinabalu


- a) Terdiri daripada 38 bilik asrama dilengkapi dengan katil, tilam, meja *study*, kerusi dan kipas angin. Kamar mandi dan tandas adalah *sharing*.
- b) Keseluruhan 38 bilik telahpun diisi sepenuhnya menempatkan PUS.
- c) Perkhidmatan yang diberikan:
 - (i) Pemeriksaan status kesihatan setiap hari mulai jam 9 pagi oleh paramedik. Seorang pegawai perubatan telah dikhaskan untuk menjaga pusat ini.
 - (ii) Perkhidmatan perubatan kepada penghuni yang mempunyai masalah kesihatan yang *acute* atau *chronic* seperti darah tinggi, kencing manis dan sebagainya.
 - (iii) Perkhidmatan sokongan psikososial di mana pegawai kaunseling akan membuat panggilan kepada setiap penghuni.
 - (iv) Makanan disediakan: sarapan pagi, makan tengahari, minum petang dan makan malam.
 - (v) Semua perbelanjaan adalah dibiayai oleh Kerajaan.



Bilik Kuarantin Keluarga

(3) Politeknik Kota Kinabalu

- a) Terdiri daripada 13 bilik asrama dilengkapi dengan katil, tilam, meja *study*, kerusi dan kipas angin. Setiap bilik mempunyai kamar mandi dan tandas masing-masing.
- b) Keseluruhan 13 bilik telahpun diisi sepenuhnya menempatkan PUS.
- c) Perkhidmatan yang diberikan:
 - (i) Pemeriksaan status kesihatan setiap hari mulai jam 9 pagi oleh paramedik. Seorang pegawai perubatan telah dikhaskan untuk menjaga pusat ini.
 - (ii) Perkhidmatan perubatan kepada penghuni yang mempunyai masalah kesihatan yang *acute* atau *chronic* seperti darah tinggi, kencing manis dan sebagainya.
 - (iii) Perkhidmatan sokongan psikososial di mana pegawai kaunseling akan membuat panggilan kepada setiap penghuni.
 - (iv) Makanan disediakan: sarapan pagi, makan tengahari, minum petang dan makan malam.
 - (v) Semua perbelanjaan adalah dibiayai oleh Kerajaan.



2. PUSAT KUARANTIN DI HOTEL

Berikut adalah hotel yang telah diwartakan sebagai Pusat Kuarantin:

2.1. Monaco Boutique Hotel, Sadong Jaya, Kota Kinabalu

- a) Terdiri daripada 40 bilik (*Single Room/Family Room*) dilengkapi dengan katil, tilam, meja *study*, kerusi, *Split Air-cond*, wifi, kamar mandi dan tandas.
- b) Semua 40 bilik telahpun diisi menempatkan PUS.
- c) Perkhidmatan yang diberikan:
 - (i) Pemeriksaan status kesihatan, perkhidmatan sokongan psikososial dan perkhidmatan perubatan adalah dilakukan mengikut jadual.
 - (ii) Makanan disediakan oleh pihak hotel.



- d) Pihak Berkuasa seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan RELA adalah dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan kawalan pergerakan penghuni [PUS] / keluarga PUS supaya tidak keluar atau masuk ke hotel sepanjang tempoh kuarantin.

2.2. Ming Garden Hotel & Residences, Kota Kinabalu, Sabah

Hotel ini belum beroperasi sebagai Pusat Kuarantin.

2.3. Pan Borneo Hotel, Putatan

Hotel ini belum beroperasi sebagai Pusat Kuarantin

3. Pembukaan Pusat-Pusat Kuarantin yang lain akan ditentukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
05 April 2020 | 5.00 petang